



## **UCAPAN ALUAN**

**DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN  
KETUA PENGARAH MAMPU**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM  
SEHATI SEJIWA**

**31 OKTOBER 2015 (SABTU),  
11.20 PAGI  
SELANGAU, SARAWAK**

Assalamualaikum      Warahamatullahi  
Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,  
Salam Perpaduan,  
Salam 1Malaysia: Rakyat Didahulukan  
Pencapaian Diutamakan dan  
Salam Sehati Sejiwa,

Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu  
anak Belaun  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul  
Razak

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan  
Awam Malaysia

YBhg. Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan  
Pengerusi Suruhanhaya Perkhidmatan  
Pelajaran Malaysia

Yang Berusaha Dr. Aizi Razman bin  
Ismail,

Timbalan Ketua Pengarah  
(Transformasi dan Pemodenan  
Pengurusan) MAMPU

Yang Berusaha Dr. Suhazimah binti  
Dzazali,  
Timbalan Ketua Pengarah (Teknologi  
Maklumat dan Komunikasi - ICT)  
MAMPU

Pengarah MAMPU Sarawak

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua-Ketua Jabatan Negeri Sarawak

Yang Berusaha En. Sim Kok Kee  
Residen Bahagian Sibul

Pengarah-pengarah Bahagian  
MAMPU, dan seterusnya semua dif-dif  
kehormat dan jemputan yang saya  
hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama  
kita panjatkan rasa syukur yang  
tidak terhingga ke hadrat Allah  
Taa'la, atas izin-Nya kita  
berpeluang hadir dalam majlis di  
pagi yang indah di bumi Selangau  
yang bertuah ini.
2. Bagi pihak MAMPU, izinkan saya  
mengambil kesempatan untuk  
merakamkan ucapan terima kasih

atas kesudian tetamu kehormat kita hadir iaitu; **Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Belaun; Menteri Di Jabatan Perdana Menteri** bagi melancarkan Majlis Perasmian Program Sehati Sejiwa pada hari ini.

3. Saya percaya kehadiran Yang Berhormat akan memberikan makna yang istimewa kepada semua tetamu dan jemputan yang hadir. Bagi mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk dan semua hadirin, izinkan saya membacakan dua rangkap pantun

dalam bahasa Melayu Sarawak.

Pantun itu berbunyi;

*Anak raja turunlah mandik,  
Rambutan rempek ngembak buah;  
Mudah mudahan surat jadi,  
Janji marek jangan diubah.*

*Terang bulan di pintu gunong,  
Cahaya nampak di pokok kayu;  
Insyallah tuhan bertolong,  
Air deras kapal pun laju.*

Yang Berhormat Datuk, YBhg. Tan  
Sri - Tan Sri, Dato' Seri - Dato' Seri,

Dato' - Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihii sekalian,

4. Kita merasa amat bertuah kerana dapat menyaksikan satu lagi detik bersejarah dilangsungkan di negeri ini. Pelancaran **Program Sehati Sejiwa** merupakan bukti komitmen Kerajaan yang tidak jemu untuk mempromosi dan menyebarkan dasar, program dan inisiatif kepada semua lapisan rakyat di mana juga mereka berada.



5. Kita perlu sadar bahawa komunikasi dan interaksi dengan rakyat menuntut kita semua sebagai pemimpin di sektor awam berada di landasan komunikasi yang sama. Walaupun kita dibezakan dengan kelompok pelanggan yang berlainan, namun kita haruslah melihat dan berfikir dari perspektif yang sama.
  
6. Kita maklum, pelanggan yang ada pada hari ini mahukan sesuatu itu dengan cepat dan dengan kos yang rendah. Maka itu, molek jika kita semua mempunyai iltizam

untuk meningkatkan keupayaan masing-masing menerusi kaedah berkongsi teknologi, sumber dan bertukar-tukar pengalaman.

7. Semua dasar dan inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan di sektor awam adalah bertujuan untuk memudahkan urusan rakyat. Untuk menjadikan setiap agensi kerajaan itu lebih dekat di hati setiap rakyat, kita semua perlu memahami terlebih dahulu kehendak dan cara rakyat menjalani kehidupan masing-masing.

8. Untuk itu, program ini dirancang sebegitu rupa bagi membolehkan banyak peluang, maklumat, pendedahan dan perkembangan perkhidmatan awam dikongsikan kepada tetamu dan penduduk tempatan yang hadir. Semoga daya usaha dan hasil kerja pegawai-pegawai MAMPU, SPA, SPP dan lain-lain agensi kerajaan melalui program sehati sejiwa ini semakin memudahkan urusan harian tuan-tuan dan puan-puan di sini. Sesungguhnya, kami semua amat komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada

semua pelanggan di mana juga mereka berada.

Yang Berhormat Datuk, YBhg. Tan Sri  
- Tan Sri, Dato' Seri - Dato' Seri, Dato'  
- Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan  
yang saya kasihi sekalian,

9. Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian **Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Belaun; Menteri di Jabatan Perdana Menteri** hadir bersama-sama dengan kita pada hari ini bagi melancarkan Majlis

Perasmian Program Sehati Sejiwa  
di bumi Selangau, Sarawak.

10. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, sama ada dari agensi kerajaan negeri mahupun persekutuan yang telah sama-sama membantu menjayakan program ini. Semoga kerjasama ini akan berterusan pada masa-masa yang akan datang.

Dengan itu, saya sudahi dengan  
Sekian, terima kasih.